

17 APR 2001
UIAM-Rasmi/I

UIAM DIBUKA SECARA RASMINYA OLEH PENGASASNYA, DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Gombak dekat sini hari ini.

Kampus baru universiti yang meliputi kawasan seluas 272 hektar itu jauh berbeza daripada kampus semmentaranya di Petaling Jaya yang dibuka pada 1983 apabila UIAM mengambil 153 pelajar sulungnya.

Bangunan di kampus Gombak yang menggabungkan elemen seni bina Islam, tempatan dan moden, sungguh mengagumkan dan kesemuanya bersambung antara satu dengan lain melalui tempat pejalan kaki berbumbung untuk kemudahan pelajar.

Pembangunan fizikal UIAM dirancang dengan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat intelektual yang diperkukuhkan menerusi ilmu pengetahuan dan nilai-nilai Islam.

UIAM yang bercita-cita menjadi "Taman Ilmu dan Kebaikan", kini menempatkan hampir 16,000 pelajar dengan 5,300 daripadanya dari pusat matrikulasi. Bilangan penuntut antarabangsa kini seramai kira-kira 1,500 dari 96 negara.

Sembilan fakulti atau kuliya universiti itu ialah Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim; Kuliah Ekonomi dan Pengurusan Sains; Kuliah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan; Kuliah Perubatan (di Kuantan); Kuliah Kejuruteraan.

Kuliah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Kuliah Pendidikan; Kuliah Sains dan Kuliah Farmasi.

Semasa majlis perasmian, Dr Mahathir bagi pihak universiti menerima sumbangan daripada para penaja berjumlah RM5.5 juta untuk Tabung Pembiayaan UIAM.

Selepas menyaksikan pameran sempena perasmian universiti itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis mendatangi memorandum persefahaman (MoU) antara UIAM dan Pusat Kajian Islam Oxford yang bermatlamat untuk memperkukuhkan hubungan rapat dalam bidang akademik.

Dr Mahathir turut merasmikan serentak Persidangan Agung Persekutuan Univerisiti-universiti Islam Dunia (FUIW) yang dihadiri 130 peserta.

Sejumlah 148 universiti dari 37 negara adalah anggota penuh FUIW. Persidangan agung pertama diadakan di Rabat, Magribi pada 1998.

-- BERNAMA

MAM AHH LAT